

KOPOIHAAN/PENGUMUMAN

DIUMUMKAN DI SEMUA GEREJA/CHAPEL:

1. PUNGUTAN KE-3 PADA MINGGU INI ADALAH UNTUK TABUNG KATEKIS

2. PERTEMUAN KELOMPOK DOA CCR PAROKI ST AUGUSTINE, KINARUT

Tarikh : 10.09.2024 (Selasa)

Masa : 8.00pm

Tempat: Dewan St Augustine, Kinarut.

Umat dialu-alukan untuk menyertai.

3. KURSUS EVANGELISASI PERIBADI (KEP) ANGKATAN 4 SABAH SESI 2024 – 2025.

TEMA: “*Mari, ikutlah Aku, dan kamu akan kujadikan penjala manusia*” – Mat 4:19

Dengan sukacitanya, Komisi Kateketikal ADKK ingin mempelawa para umat untuk menyertai Kursus Evangelisasi Peribadi atau KEP yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh Kursus: 7hb Oktober 2024 hingga 14 Januari 2025

Masa: 7.00 pm – 10.00 pm setiap hari Isnin dan Selasa

Tempat/Sesi Pengajaran: semua peserta digalakkan untuk mengikuti pembelajaran secara OFFLINE di Pusat KEP seperti berikut:

- 1) Catholic Archdiocesan Centre (CAC) Kota Kinabalu
- 2) Paroki St Joseph, Kiulu
- 3) Paroki St Augustine, Kinarut
- 4) Paroki St Joseph, Papar

Peserta boleh mengikuti kelas secara **ONLINE ZOOM** sekiranya berada jauh dari Kawasan Pusat KEP. Sumbangan kasih : RM100.00 seorang (pembayaran sekali sahaja untuk kursus selama 3 bulan) Tarikh tutup : 15 September 2024

Kepada umat yang telah mendaftar secara manual menggunakan Borang Pendaftaran KEP-4, sila kembalikan borang tersebut di gereja zon masing-masing kepada Komiti Kateketikal Zon sebelum 15 September 2024.

Maklumat lanjut sila hubungi:

Sdri Vera Charlyne Christopher, Koordinator Kateketikal Paroki Kinarut.

4. 2024 CFC HOLD INTERNATIONAL CONFERENCE SABAH: EMBRACING THE CALL (2024 CFC MENGADAKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA SABAH -MENYAHUT PANGGILAN)

Tarikh: 16 September 2024 [Isnin]

Masa: 8.00 am – 4.00 pm

Tema Pakaian : Kuning

Tempat: Dewan Church Mary Immaculate, Bukit Padang

Yuran : RM25 (Wanita Dewasa) RM20 (Lelaki Dewasa) RM10 (Kanak-kanak)

Untuk pendaftaran mohon untuk hubungi Maribel Oaferina 0113 1434047

5. FORMATION PROGRAM ON SPIRITUAL RENEWAL AND AWAKENING

Bersama Paroki St. Michael Penampang & Paroki St. Augustine, Kinarut.

Semua pemimpin gereja adalah sangat dialu-alukan mengikuti program in iaitu satu program khusus untuk semua Paderi, Sisters, Komiti Pastoral Paroki & Zon, Komiti Kewangan & Harta Benda Paroki & Zon, Tim Pelayanan Belia Paroki & Zon, Semua Katekis, Semua EMC, Semua warden, CWL Paroki & Zon, Semua komiti LAM : CCR, CFC, DMA, LOM, EMMAUS. Program ini akan diadakan seperti berikut

Tarikh: 16 September 2024

Masa: 7:30am – 1:30pm

Tempat : Dewan PPC ST. Michael Penampang

Yuran : Percuma

Penceramah: Msgr. Nicholas Stephen

Rev. Fr. Sylvester Wong

Mr. Neil Mah

Mdm. Priscilla Henry

Untuk pendaftaran, sila berdaftar dengan L.A.M Zon masing masing sebelum atau pada **12/9/24**.

6. “SEMINAR HIDUP BARU DALAM ROH” PAROKI ST MICHAEL PENAMPANG

Semua umat adalah dijemput mengikuti ”Seminar Hidup Baru Dalam Roh ” (Life is the Spirit Seminar – LSS) yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh: 26- 28 September 2024

Tempat: Gereja Assumption Of Our Lady, Sugud

Yuran : RM35 (untuk makan minum sahaja)

Penceramah: Msgr. Nicholas Stephen

Mr. Anthony Lim

Mr. Neil Mah

Mdm. Priscilla Henry

Untuk pendaftaran, sila berdaftar dengan L.A.M Zon masing masing sebelum atau pada **22/9/24**.

7. KURSUS PRA-PERKAHWINAN BULAN OKTOBER 2024

Kami ingin memaklumkan bahawa Kursus Pra-Perkahwinan bulan Oktober 2024 akan diadakan seperti berikut:

Tarikh: 18 & 19 Oktober 2024 (Jumaat – Sabtu)

Tempat: Dewan Gereja St. Augustine, Kinarut

Yuran: RM75.00 (1 pasangan) sahaja

Tarikh tutup pendaftaran: 8 Oktober 2024 (Selasa)

Semua pasangan yang bakal berkahwin dijemput untuk menyertai kursus ini. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Sdra. Cyril Calestus.

8. KEKOSONGAN JAWATAN GURU TADIKA CAHAYA HARAPAN PAROKI ST AUGUSTINE, KINARUT

Permohonan adalah dipelawa kepada umat yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Guru Tadika Mission di Tadika Cahaya Harapan Paroki St. Augustine, Kinarut. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk lampiran yang dipaparkan di papan notis gereja.

(komentator):

"Semua pengumuman yang telah disampaikan dapat dirujuk kembali di papan notis gereja.

Demikianlah pengumuman untuk hari ini. Umat diminta untuk berdiri bagi menerima berkat penutup."